

# Kerangka bina masyarakat lebih saksama, sejahtera



## Kerajaan perkenal pelbagai inisiatif perkasakan rakyat, pekerja ke arah hidup lebih berkualiti

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Kerangka Ekonomi MADANI yang merangkumi inisiatif untuk perlindungan sosial semua rakyat, gaji pekerja yang simpan dan perkongsian kekayaan mampu membina masyarakat yang lebih saksama dan sejahtera.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata di bawah kerangka itu kerajaan sudah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memperkasakan rakyat dan pekerja ke arah meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Momentum pelaburan yang positif menerusi jumlah (pelaburan) yang diluluskan RM71.4 bilion dalam suku pertama tahun ini dijangka menjadikan sektor industri mengalami pertumbuhan pesat.

"Prestasi sama turut dicatatkan

kerajaan Negeri Sembilan apabila menerima pelaburan mencecah RM9 bilion tahun lalu, pencapaian tertinggi dalam sejarah pentadbiran negeri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) Belia Seremban dan lawatan ke Kolej Tafe, di sini, semalam.

Pada 27 Julai lalu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat yang juga pengemudian dan pengarah baharu ekonomi untuk menjamin masa depan negara.

### Tingkat pengetahuan KKP

Sivakumar berkata, kerancangan ekonomi dipacu industri itu turut memberi cabaran baharu untuk kerajaan negeri, termasuk isu berkaitan KKP.

Katanya, semua pihak termasuk majikan dan universiti awam (UA) serta swasta diharap dapat bertindak lebih proaktif dengan mengadakan lebih banyak program KKP.

"Ia penting untuk menyokong usaha kerajaan meningkatkan kesedaran mengenai KKP di setiap sektor terutama membabitkan belia, sekali gus membantu mereka mempunyai pengetahuan terhadap KKP.

"Kerajaan dapati ketika ini ke-



Sivakumar (tengah) pada Program KKP Belia Seremban dan lawatan ke Kolej Tafe di Seremban, semalam. (Foto Mohd Amin Jalil)

sedaran dalam kalangan pekerja terutama belia terhadap KKP masih rendah walaupun pelbagai inisiatif disediakan.

"Justeru, program latihan dan kesedaran KKP perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memenuhi hasrat kerajaan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

"Ia selaras rancangan di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Ke-

sehatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP 25)," katanya.

Beliau berkata, kementerianya menerusi agensi seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sedia bekerjasama dengan pihak yang terbabit, termasuk agensi latihan milik kerajaan negeri bagi menjalankan program KKP itu.

"Jadi, pelajar dan belia perlu merebut peluang keemasan ini

dengan menyertai kursus yang ditawarkan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang KKP.

"Selain menerima sijil diiktiraf agensi berkaitan, pendedahan diterima peserta ketika menyertai kursus KKP sudah pasti memberi kesedaran seterusnya membawa perubahan positif dalam budaya keselamatan di tempat kerja mereka," katanya.

## Karnival bantu belia dapat kerja tetap, formal

**Gombak:** Karnival Kerjaya MADANI bukan saja menawarkan peluang pekerjaan, malah turut membantu belia di negara ini meningkatkan ekonomi individu menerusi sektor pekerjaan formal.

Seorang daripada peserta yang berjaya mendapatkan kerja, Abdul Mujib Jalil, 28, berkata inisiatif berkenaan berjaya membantu beliau mendapatkan pekerjaan secara tetap dan juga formal selepas beberapa tahun bekerja secara kecil-kecilan.

"Sebelum ini saya ke Karnival Kerjaya MYFutureJobs, ada satu syarikat yang menawarkan pekerjaan sebagai pemandu lori logistik.

"Selepas saya melakukan permohonan dan selepas dua minggu menunggu keputusan daripada pihak majikan, saya diterima bekerja," katanya ketika ditemui kelmarin.

Karnival yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid



Belia Orang Asli tidak melepaskan peluang memanfaatkan Karnival Kerjaya MADANI bersama HAWA di Dewan Sebaguna JAKOA Batu 12, Gombak, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Hamidi itu dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), HRD Corp dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Sehingga 21 Julai lalu, portal MYFutureJobs berjaya membantu seramai 884,688 pencari kerja untuk ditempatkan di pelbagai sektor dan 213,077 daripadanya adalah dari Selangor.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, Pengerusi HAWA, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Pengarah JAKOA, Sapiah Mohd Nor.

Terdahulu, Ahmad Zahid dalam ucapannya berkata, karnival berkenaan menawarkan 5,765 peluang pekerjaan melalui 10 syarikat yang mengambil bahagian.

Katanya, penganjuran program itu mampu mengurangkan kadar pengangguran serta mengukuhkan pasaran buruh di negara ini.

"Program karnival kali ini adalah antara usaha libat urus kerajaan untuk memperluaskan platform kepada masyarakat Orang Asli mendapatkan perkhidmatan kebolehpasaran, profiling peningkatan kemahiran dan peluang pekerjaan sekali gus mengatasi kadar pengangguran.

"Majikan yang mengambil calon pekerja dalam kalangan Orang Asli boleh memanfaatkan rangkaian program disediakan menerusi Insentif Kerjaya MADANI 2023, termasuk menerima sehingga RM1,800 untuk tempoh tiga bulan bagi seorang pekerja yang digajikan," katanya.